

**IKLAN JAWATAN GURU TABIKA PERPADUAN GRED S29 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI KELANTAN**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : Guru Tabika Perpaduan Gred S29 (Kontrak)
- 1.2 Gred Jawatan : S29
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Dua (2)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan
- JADUAL GAJI GRED S29 : RM1,493.00 – RM5,672.00 - (Min - Max)

2. ELAUN : Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM 160.00
Imbuan Tetap Perumahan (ITP) - RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA) - RM 250.00
(tertakluk kepada lokasi/kawasan penempatan)

3. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 3.1 terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 3.2 berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setara dengannya dan mendapat 5 kepujian termasuk dalam Bahasa Malaysia; dan
- 3.4 Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

4. GANJARAN

$(17 \frac{1}{2}\% - 13\%) \times (\text{gaji akhir (gaji pokok)} \times \text{jumlah bulan perkhidmatan}) - (\text{jumlah faedah ke atas caruman majikan di dalam KWSP})$ bagi tempoh bulan perkhidmatan dengan syarat pegawai menyempurnakan perkhidmatan ini dengan memuaskan.

5. DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kanak-kanak ke tabika melaksanakan tugas mengajar, mengurus rekod dan dokumentasi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak, merancang aktiviti pengajaran tahunan, menyiapkan laporan bulanan kelas, mengendalikan semua fail ISO yang digunapakai di tabika, membuat penilaian berterusan tentang perkembangan kanak-kanak serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON :

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan atau boleh diperolehi dengan melayari laman web JPNIN di <http://www.jpnin.gov.my>.
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui **Ketua Jabatan** masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 6.3 Borang Permohonan dikemukakan berserta gambar terkini (berukuran passport) yang tidak dikembalikan dan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan Akademik, Sijil Berhenti Sekolah, Salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan. Dokumen sokongan yang berkaitan dan telah disahkan perlu dihantar ke alamat seperti berikut :

Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Kelantan
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 7, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Kelantan

- 6.4 Pengesahan dokumen perlu dilaksanakan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, ADUN, Imam, Mahkamah Seksyen/Pesuruh Jaya Sumpah, Penghulu atau JKKK yang diiktirafkan.

7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 DISEMBER 2017**

8. PANGGILAN TEMUDUGA

8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :

- a) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
- b) tidak lengkap atau tidak terang
- c) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
- d) tidak menandatangani borang permohonan
- e) tidak mengesahkan salinan dokumen yang disertakan

- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.

- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Tarikh : 12 Disember 2017